

# Detik cemas 10 minit

■ 3 pekerja penyelenggaraan nyaris maut hidu gas karbon dioksida

Safeek Affendy Razali  
news@nstp.com.my

## Kuala Lumpur

Nyaris maut akibat terhidu gas karbon dioksida berlebihan lebih 10 minit. Itu saat cemas dialami tiga pekerja penyelenggara sistem jana kuasa Menara Standard Chartered, Jalan Sultan Ismail di sini, ketika bertugas semalam.

Dalam kejadian jam 3.52 petang, pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur pantas mengeluarkan mangsa dari bilik janakuasa di tingkat bawah menara berkenaan, sekali gus menyelamatkan nyawa semua mereka.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahman berkata, pihaknya yang tiba di lokasi kejadian kurang 10 minit bergegas membuka pintu bilik jana kuasa itu dan



ANGGOTA bomba dan penyelamat pantas menyelamatkan mangsa selepas terhidu gas karbon dioksida di Menara Standard Chartered, Jalan Sultan Ismail, semalam.

FOTO: SYARAFIQ ABD SAMAD



Untuk video layari  
[www.hmetro.com.my/mymetrotv](http://www.hmetro.com.my/mymetrotv)



mengeluarkan mangsa yang terbaring pengan.

“Seorang daripada mereka didapati mengalami kecederaan pada kepala selepas dipercayai ter-

hantuk pada komponen atau objek keras dalam bilik berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, ketiga-tiga mereka dikejarkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan lanjut.

“Siasatan mendapati ketiga-tiga penyelenggara terbabit dalam proses membawa keluar set jana kuasa lama dari bilik berkenaan.

“Pada masa sama, kami percaya kemungkinan berlaku kecuai apabila kabel kemudi silinder dalam bilik berkenaan diusik hingga me-

nyebabkan gas karbon dioksida (co2) menarik oksigen dalam bilik jana kuasa itu,” katanya.

Khirudin turut memuji tindakan seorang pekerja lain yang berada di luar bilik jana kuasa apabila pekerja itu pantas menghubungi pihak bomba seurus melihat tiga rakannya pengan.

Katanya, pada masa ini lokasi kejadian berada dalam keadaan terkawal selepas pihak pengurusan menjalankan kerja pembersihan.

Mangsa yang tercedera dikenali sebagai Fong Loon Loy, 54, Ng Yoke Mun, 58, dan Ng Yoke Chee, 64.



“Siasatan mendapati ketiga-tiga penyelenggara terbabit dalam proses membawa keluar set jana kuasa lama dari bilik berkenaan”

*Khirudin Drahman*